

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Tuan Chong Chieng Jen**
[BANDAR KUCHING]

TARIKH : **4 NOVEMBER 2015 (RABU)**

SOALAN :

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejak 10 tahun lalu, berapakah ramai pelajar yang telah ditaja oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) di bawah program pengajian Program ijazah Luar Negara dan berapa daripadanya adalah pelajar dari Sarawak dan apakah pecahan kaum mereka ini.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah menaja seramai 13,139 pelajar bagi pengajian program ijazah luar negara mulai tahun 2005 hingga tahun 2015. Daripada jumlah yang dinyatakan, seramai 976pelajar berasal dari Sarawak.

Mereka terdiri daripada 401 pelajar bumiputera dan 575 pelajar bukan bumiputera. Mereka melanjutkan pelajaran di bawah Program Ijazah Luar Negara (PILN) dan Program Khas Kejuruteraan Jepun, Korea, Jerman dan Perancis (JKJP).

Sekian, terima kasih.